

TEKS UCAPAN

YB TUAN BARU BIAN

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

TEMA : “PEKERJA BERDEDIKASI, MISI DIREALISASI”

KEMENTERIAN KERJA RAYA

PADA

14 OGOS 2018

(SELASA)

BERTEMPAT DI

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

KOMPLEKS KERJA RAYA

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YB Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir,
Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Akob,
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha,
Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Ahmad Asri Bin Abdul Hamid,
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
(CIDB)

YBhg. Dato Sr. Aziz Bin Abdullah,
Temb Ketua Pengarah (Bisnes) Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Yang Dihormati dan diraikan penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KKR bagi tahun 2017;

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin,Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Selamat Sejahtera dan Selamat Pagi,

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur kerana pada pagi ini kita dapat meneruskan agenda penting Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama-sama agensi di bawahnya untuk meraikan pegawai-pegawai

dan warga kerja dalam kementerian ini iaitu Majlis Perasmian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2017.

2. Walaupun keberadaan saya di Kementerian baru hampir dua bulan lebih, saya merasakan kementerian ini amat dekat dengan saya. YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohammad telah memberi mandat kepada saya untuk menerajui KKR bersama dengan YB Timbalan Menteri, Pengurusan Tertinggi Kementerian dan agensi dan tuan puan sekalian. Maklumbalas semua warga kerja Kementerian ini sangat baik dan memberikan kerjasama yang tidak berbelah bagi bagi memastikan tugas-tugas saya di sini dapat disempurnakan dengan baik.

Hadirin yang dihormati sekalin,

3. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab, saya akan menjalankan tugas berdasarkan amanah rakyat dan bersandarkan peraturan dan undang-undang yang sedia ada. Saya memahami bahawa Kementerian Kerja Raya mempunyai tanggungjawab yang berat dimana tuntutan rakyat terhadap kesempurnaan dan kelengkapan prasarana dan infrastruktur asas, adalah keutamaan kita.

4. Justeru, kesepakatan dan kesempurnaan bekerja berkumpulan (*team work*) dalam Kementerian ini adalah sangat diharapkan. Sebagai seorang pengamal undang-undang, saya sangat berpegang teguh pada konsep ketelusan, integriti dan keadilan. Maka dengan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan diri saya sendiri dan warga kerja Kementerian dan agensi di bawahnya untuk bersama-sama bekerja keras ke arah mencapai matlamat kita bersama, iaitu membangunkan infrastruktur negara mengikut piawaian yang ditetapkan

dan berpandukan visi dan misi Kementerian dengan berlandaskan integriti yang tinggi. Sebagai Peneraju Pembangunan infruuktur dan industri pembinaan negara, kita tidak boleh berpuas hati dengan apa yang ada, namun kita akan mencari jalan untuk menganjak dan terus membangun seiringan dengan kemodenan dunia masa kini.

PEMERKASAN INTEGRITI PENJAWAT AWAM

5. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk membebaskan Negara daripada masalah rasuah, YAB Perdana Menteri pada 8 Jun 2018 yang lalu telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) bagi menggantikan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan dalam menentukan dasar berhubung dengan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran kerajaan.
6. Kerajaan juga telah menubuhkan Pusat *Governans*, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) yang akan menasihati merancang, memantau, menilai dan melapor perkara-perkara berkaitan dengan *governans*, integriti dan pembentaranan rasuah bagi memastikan semua inisiatif Kerajaan untuk membebaskan Negara daripada masalah rasuah dapat dilaksanakan dengan tepat dan mencapai matlamat yang disasarkan.
7. Justeru, Kementerian ini memandang serius untuk mencari jalan penyelesaian dan penambahbaikan kepada masalah serta kelemahan yang berkaitan dengan *governans*, integriti dan anti-rasuah. Oleh yang demikian, saya menyeru setiap warga kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah KKR untuk memainkan peranan supaya hasrat Kerajaan

tersebut dapat direalisasikan. Penjawat Awam yang mempunyai disiplin dan keutuhan tetap akan melaksanakan tugas dengan berintegriti dan sentiasa mengutamakan kepentingan awam. Bagi melengkapkan maka ini saya menyarankan supaya dasar “wistle-blowers” dapat dilaksanakan secara meluas di Kementerian dan agensi.

TEMA : “PEKERJA BERDEDIKASI, MISI DIREALISASI”

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

8. Tema Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KKR pada tahun ini ialah '**Pekerja Berdedikasi, Misi Direalisasi**'. Sebagai sebuah organisasi yang memainkan peranan penting dalam pembangunan negara, pekerja yang berdedikasi merupakan penyumbang kepada kebolehupayaan organisasi dalam bergerak maju bagi merealisasikan misi dan visi Kementerian atau Jabatan.

9. Apa yang ingin ditekankan tema ini membawa maksud pekerja yang berdedikasi sentiasa melakukan tugasnya dengan penuh iltizam, tekun, gigih dan sabar walau betapa sukar tanggungjawab yang diberikan kepadanya serta sanggup pula menghadapi cabaran dalam apa jua kekurangan yang dihadapi. Pekerja yang berdedikasi sentiasa menyemai nilai-nilai murni untuk dicontohi di samping mengekalkan kecemerlangan diri, tugas dan potensi diri.

10. Keberhasilan tugasnya menjadi penyumbang kepada penyampaian perkhidmatan sejajar dengan misi dan visi yang ditetapkan. Mereka bukan sahaja sangat bertanggungjawab dalam bidang tugasnya tetapi juga berjiwa murni di mana hatinya sentiasa didorong oleh rasa

bertanggungjawab yang amat tinggi kepada organisasi. Selain itu, pekerja berdediksi bersedia menerima teguran, mempertingkatkan kompetensi, membuat penambahbaikan secara berterusan di samping mengutamakan *sense of urgency*.

BILANGAN PENERIMA APC 2017

11. Saya difahamkan seramai 864 orang warga cemerlang KKR daripada Kementerian dan tiga agensi iaitu JKR, CIDB dan LLM yang telah dipilih sebagai penerima Anugerah Khidmat Cemerlang Kementerian Kerja Raya bagi Tahun 2017. Pecahan penerima APC KKR dan agensinya ialah seperti berikut:

- i) KKR : 74 ORANG
 - ii) JKR : 679 (TERMASUK 1 ORANG PENERIMA PPC 2016)
 - iii) CIDB : 83 ORANG
 - iv) LLM : 28 ORANG
- JUMLAH : 864 ORANG**

Syabas diucapkan kepada semua penerima APC 2017. Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KKR selaku urus setia kerana menjayakan majlis pada hari ini.

FUNGSI KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)

12. Tema Majlis APC ini amat bersesuaian dengan fungsi Kementerian ini sebagai peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara. KKR bersama-sama agensi-agensi di bawahnya iaitu Jabatan

Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan 3 Lembaga Profesional iaitu Lembaga Jurutera Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia dan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia yakin prestasi Kementerian ini dapat ditingkatkan lagi di bawah pentadbiran kerajaan baru. KKR bersama 6 agensi juga menggembung kepakaran dan tenaga untuk memastikan pembangunan dari segi teknologi, inovasi dan modal insan juga diangkat sebagai *Key Performance Indicator* (KPI). Program dan inisiatif pula dilaksanakan melalui Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang merupakan pelan transformasi sektor pembinaan bagi tempoh 5 tahun bermula tahun 2016 hingga 2020.

INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM (IBS)

13. IBS dilihat sebagai satu elemen yang sangat penting bagi mentransformasi dan meningkatkan produktiviti industri pembinaan sekaligus menyokong pertumbuhan ekonomi negara. IBS mampu menjamin pembinaan yang berkualiti, selamat, cepat, *cost effective* selain mengurangkan tenaga kerja tidak mahir. Teknologi pintar seperti percetakan 3D, robotik, Big Data Analysis dan *Cloud Computing* tidak terkecuali mempengaruhi industri pembinaan negara. Sungguhpun dalam CITP kita telah menumpukan kepada peningkatan keupayaan, kapasiti dan daya saing industri melalui teknologi terkini seperti IBS, *Building Modelling Management* (BIM) dan *Highway Information Modelling* (HIM), namun sebagai penjawat awam kita tidak harus berpuashati dengan tahap semasa. Saya berharap warga KKR untuk sentiasa mengembangkan ilmu pengetahuan dan menyedari kehadiran teknologi terkini yang boleh dipelajari dari negara-negara maju. Teknologi hari ini mungkin menjadi tidak relevan pada masa hadapan jika kita tidak peka,

bersedia dan responsif kepada perubahan yang begitu cepat. Profesor Klaus Schwab, Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Forum Ekonomi Dunia, mengingatkan kita tentang perkara ini '*in the new world, it is not the big fish which eats the small fish, it's the fast fish which eats the slow fish*'.

PENUTUP

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

14. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Kerja Raya Tahun 2017. Tidak lupa juga kepada pihak urus setia majlis yang telah bertungkus lumus dalam memastikan penganjuran majlis ini berjalan dengan lancar.

15. Saya berharap agar budaya dan momentum kecemerlangan yang sedia ada wujud dalam Kementerian ini akan dapat diterus dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Selaras dengan Teras 5 Buku Harapan iaitu Membina Malaysia yang Inklusif, Moderat dan Gemilang di Persada Dunia, saya yakin KKR dapat melaksanakan projek pembangunan infrastruktur yang diperlukan oleh rakyat dengan peruntukan dan pengurusan yang efisien.

16. Saya juga suka mengigatkan kembali kepada semua pegawai warga kerja KKR supaya memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan dan elakkan melakukan sabotaj kepada sebarang dasar dan inisiatif kerajaan. Tindakan tegas akan diambil sekiranya ada "little

nepolean” di KKR dan agensi seperti yang telah dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

17. Akhir sekali dengan ini saya merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Kerja Raya bagi Tahun 2017.

Sekian, terima kasih.